



# Adakah pencarum KWSP yang mengeluarkan wang dalam Akaun Fleksibel dikenakan zakat?

## 2 Kaedah

Pencarum KWSP yang mengeluarkan wang di dalam Akaun Fleksibel sebagai amaun permulaan Akaun Fleksibel sehingga 31 Ogos 2024:

- Situasi 1
- Situasi 2
- Situasi 3

Status Akaun Fleksibel bagi semua pencarum KWSP yang beragama Islam bermula September 2024:

### Zakat Wang Simpanan

\*\* Baki simpanan terendah dalam setahun mestilah cukup nisab dan haul

\*\* Ambil kira semua baki simpanan pencarum yang berada di mana-mana institusi perbankan lain.

Kadar Nisab Pulau Pinang Tahun 2024:  
RM24,200.00

Dikeluarkan oleh:  
Jawatankuasa Panel Syariah (JKPS)  
Zakat Pulau Pinang, MAINPP



## Adakah pencarum KWSP yang mengeluarkan wang dalam Akaun Fleksibel dikenakan zakat?

### Kaedah 1 ( Situasi 1 )

Pencarum KWSP yang mengeluarkan wang di dalam Akaun Fleksibel sebagai amaun permulaan Akaun Fleksibel sehingga 31 Ogos 2024:

#### **DIWAJIBKAN ZAKAT SERTA MERTA**

Bagi wang permulaan yang dikeluarkan sekiranya pendapatan tahunan seseorang pencarum itu sudah melebihi nisab tahun semasa.

#### **CONTOH**

Encik Awang merupakan seorang pencarum KWSP yang diwajibkan zakat pendapatan bagi tahun 2024, tahun ini Encik Awang mengeluarkan wang permulaannya di Akaun Fleksibel, maka dalam situasi ini, Encik Awang diwajibkan zakat serta merta ke atas pengeluaran wang permulaan ini.

(*walaupun pengeluaran tersebut tidak melebihi nisab*).

*Kadar Nisab Pulau Pinang Tahun 2024: RM24,200.00*

**Dikeluarkan oleh:**  
**Jawatankuasa Panel Syariah (JKPS)**  
**Zakat Pulau Pinang, MAINPP**



## Adakah pencarum KWSP yang mengeluarkan wang dalam Akaun Fleksibel dikenakan zakat?

### Kaedah 1 ( Situasi 2 )

Pencarum KWSP yang mengeluarkan wang di dalam Akaun Fleksibel sebagai amaun permulaan Akaun Fleksibel sehingga 31 Ogos 2024:

#### MENUNGGU HINGGA AKHIR TAHUN

Kerana yakin pendapatan tahunan mencapai nisab setelah wang permulaan Akaun Fleksibel ini dicampurkan.

#### CONTOH

Pada tahun 2024, Encik Awang belum di wajibkan zakat pendapatan. Pada tahun ini juga, Encik Awang mengeluarkan wang permulaan Akaun Fleksibel. Namun Encik Awang yakin sekiranya dicampurkan wang KWSP yang dikeluarkan ini bersama pendapatan tahunannya yang lain, beliau berkemungkinan diwajibkan zakat pendapatan bagi tahun 2024 ini. Maka situasi ini, Encik Awang boleh menunggu sehingga hujung tahun untuk digabungkan kesemua pendapatannya pada tahun berkenaan untuk ditaksir. Sekiranya pendapatannya (setelah digabung & ditaksir) mencapai nisab, maka diwajibkan zakat sebanyak 2.5%.

*Kadar Nisab Pulau Pinang Tahun 2024: RM24,200.00*

Dikeluarkan oleh:  
Jawatankuasa Panel Syariah (JKPS)  
Zakat Pulau Pinang, MAINPP



## Adakah pencarum KWSP yang mengeluarkan wang dalam Akaun Fleksibel dikenakan zakat?

### Kaedah 1 ( Situasi 3 )

Pencarum KWSP yang mengeluarkan wang di dalam Akaun Fleksibel sebagai amaun permulaan Akaun Fleksibel sehingga 31 Ogos 2024:

#### TIDAK DIWAJIBKAN ZAKAT

kerana kurang daripada nisab serta tidak mempunyai sebarang pendapatan dan pengeluaran tersebut adalah bertujuan memenuhi keperluan asasi diri dan keluarga.

#### CONTOH

Encik Awang tidak bekerja dan tidak mempunyai sebarang pendapatan, namun pengeluaran wang permulaan dalam Akaun Feksibel itu satu-satunya punca pendapatan Encik Awang bagi tahun ini. Maka dalam situasi ini, Encik Awang tidak diwajibkan zakat ke atas pengeluaran tersebut.

*Kadar Nisab Pulau Pinang Tahun 2024: RM24,200.00*

Dikeluarkan oleh:  
Jawatankuasa Panel Syariah (JKPS)  
Zakat Pulau Pinang, MAINPP



## Adakah pencarum KWSP yang mengeluarkan wang dalam Akaun Fleksibel dikenakan zakat?

### Kaedah 2

Status Akaun Fleksibel bagi semua pencarum KWSP yang beragama Islam bermula bulan September 2024:

#### TERTAKLUK KEPADA ZAKAT WANG SIMPANAN

Akaun Fleksibel KWSP adalah bertujuan untuk memudahkan para pencarum membuat pengeluaran daripada akaun tersebut pada bila-bila masa dan tanpa sebarang sekatan. Bermula September 2024 semua pencarum KWSP (Akaun Fleksibel sahaja) yang beragama Islam tertakluk kepada Zakat Wang Simpanan setelah memenuhi syarat-syaratnya.

Baki simpanan terendah dalam setahun di dalam akaun tersebut mestilah mencukupi nisab dan haul setelah diambil kira semua baki simpanan pencarum yang berada di mana-mana institusi perbankan lain. Akaun Fleksibel ini dikategorikan sama seperti akaun simpanan biasa.

Kadar Nisab Pulau Pinang Tahun 2024: RM24,200.00

Dikeluarkan oleh:  
Jawatankuasa Panel Syariah (JKPS)  
Zakat Pulau Pinang, MAINPP